



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	9/11/2019	MUKA SURAT : 11
JABATAN	:	PERHILITAN	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Bendung kematian gajah Pygmy elak pupus



Poliana Ronnie Sidom
poliana@bh.com.my

Sabah tahun kita dipaparkan dengan berita kematian gajah Pygmy Borneo. Bayangkan, dalam tempoh 10 bulan sejak Januari tahun ini, lebih 20 kes kematian haiwan itu dilaporkan. Paling mencuri tumpuan adalah penemuan bangkai gajah di Sungai Udih, Dumupas, Kalabakan di Tawau pada 25 September lalu dengan kesan 70 tembakan.

Ini sekali gus memperlihatkan betapa spesies gajah paling kecil di dunia itu yang cuma boleh ditemui di kepulauan Borneo, semakin terancam akibat konflik.

Kita sedia maklum, konflik gajah di Sabah bermula sejak lebih 50 tahun lalu berikutan pemusnahan hutan yang menjadi habitat hidupan liar itu secara drastik bagi pembukaan ladang, menyebabkan keltusan hutan semakin mengecil, terpisah-pisah,

mendorong gajah keluar ke ladang dan petempatan manusia untuk mencari sumber makanan.

Kematian gajah bukan saja kerana cedera terkena jerat atau diracun, malah lebih membimbangkan, gajah kini menjadi buruan pemburu-haram untuk mendapatkan gadingnya. Kaji selidik Jabatan Hidupan Liar Sabah (JHL) dan Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF) Malaysia menunjukkan hanya ada kira-kira 1,100 hingga 1,500 gajah yang ada di Sabah pada 2002.

Angka itu sudah cukup menunjukkan betapa khazanah berharga itu semakin terancam dan terhimpit dalam kerakusan manusia meneroka tanah serta sikap tidak bertanggungjawab yang sanggup membunuh keajaiban haiwan berkenaan.

Apa lagi yang kurang dalam usaha menyelesaikan konflik gajah di negeri ini? Jika diteliti, bermacam cara sudah diambil pihak berkuasa dalam melindungi hidupan liar itu termasuk menerusi Pelan Tindakan Gajah Borneo 2012 hingga 2016.

Antara lain usaha itu ialah mewujudkan koridor hidupan liar,

bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk memasang pagar elektrik di kawasan berisiko konflik, kerjasama aktiviti translokasi gajah, membubuhkan komuniti hidupan liar membabitkan komuniti dan pelbagai lagi yang turut membatik perhubungan bukan kerajaan (NGO) dalam dan luar negara.

Terbaru pula, Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador mengarahkan Platun Tiger dari lima batallion PGA di Sabah untuk membantu usaha melakikan ron-daan, serbuan dan menjejaki penjenayah hidupan liar.

Usaha itu diharap sedikit sebanyak mampu mengurangkan bebanan JHL yang berdepan kekangan kekurangan jumlah kakitangan. Mana mungkin 60 renjer dari 14 pejabat di seluruh Sabah boleh memikul seluruh tanggungjawab menangani konflik gajah.

Penulis sendiri pernah menyertai beberapa kali operasi mengawal gajah yang berkampung di sekitar Telupid, sebuah pekan kecil dikelilingi ladang kelapa sawit dan menyaksikan bagaimana konflik yang berlaku menimbulkan

kesan pelbagai suasana dan rasa, tekanan kepada penduduk dan renjer hidupan liar.

Ada rasa marah kerana tanaman dan harta dimusnahkan gajah, ada rasa takut hingga berkeringat seharian dalam rumah kerana bimbang terserempak haiwan itu jika di luar dan ada juga yang berasa belas kasihan hingga sanggup menampung aur di luar rumah untuk diminum gajah.

Renjer pula terpaksa mencurahkan seluruh tenaga mereka untuk mengawal gajah daripada memasuki kebun penduduk, menghalau masuk gajah ke hutan dan berjaga malam untuk 'respon' panggilan penduduk.

Baru-baru ini, Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Christina Liew menyatakan kebimbangan yang mengenai kematian gajah yang diketahuinya bukan saja menjejaskan negeri ini sebagai destinasi ekopelancongan, malah menurunkan harga minyak kelapa sawit.

Jika ini berlaku, sudah tentu ia menambahkan lagi tekanan kepada rakyat negeri ini terutama pekebun kecil dan penoreka yang bergantung terhadap sumber ke-

lapa sawit bagi meneruskan kelangsungan hidup.

Tahun lalu, WWF Malaysia membuat gesaan agar kerajaan negeri meminda Enakmen Pemuliharaan Hidupan Liar 1997 untuk memelihara dan menghalang pembunuhan gajah kerana peruntukan itu dilihat mempunyai beberapa kelemahan yang perlu ditangani.

Cadangan itu termasuk peruntukan liabiliti ketat bagi pemilik tanah persendirian dipertanggungjawabkan dan perlu membuktikan mereka tidak bersalah jika kematian gajah berlaku di tanah mereka atau bukti mengenai aktiviti haram berlaku seperti memasang jerat, memburu dan perangkap bertubang dijumpai di kawasan mereka.

Mungkin sudah tiba masanya semua aspek ini diambil kira sebagai langkah membendung kematian gajah. Kita tidak mahu gajah juga menerima nasib seperti Iman, spesies badak sumbu terakhir yang tinggal di Malaysia.

Penulis adalah wartawan
BH Sabah